

# Masyarakat kita kurang maklumat pembawa virus

**S:** Adakah situasi sekarang mem-bimbangkan?

**J:** Penambahan kes itu sangat mem-bimbangkan sehingga saya sendiri ber-tanya-tanya adakah mesej yang disar-kan kepada masyarakat selama ini melalui media atau kerajaan sampai atau tidak. Paling penting adakah me-reka anggap ia sebagai satu ancaman atau tidak. Kes denggi sangat mem-bimbangkan kerana sehingga 5 Mac lalu, sudah ada 62 kematian dan pe-nambahan 17 hingga 19 peratus ber-banding tahun lalu. Mungkin statistik akan meningkat kerana kita masih pada awal tahun. Kemuncak kes deng-gi bermula Ogos, September, Oktober, November dan paling meningkat pada Disember kerana banyak perperakan manusia pada waktu itu.

Nyamuk vektor pergerakan ma-nusia. Pada musim perayaan, ramai berkumpul, ada yang sakit, ada yang sudah dijangkiti virus dan banyak fak-tor lain yang menyebabkan jangkitan virus dibawa nyamuk cepat merebak. Kita dapat pengetahuan masyarakat mengenai denggi memang tinggi, te-tapi sangat kurang mengenai nyamuk pembawa dan punca. Anggaran lima peratus mengenai nyamuk tetapi untuk deng-gi, ia mencecah 75 peratus.

**S:** Kenapa masyarakat kita tak am-bil berat soal pengetahuan mengen-ai pembawa nyamuk?

**J:** Sebabnya, media kita kurang me-

nekankan soal ini. Mereka hanya fokus soal denggi, tak bagi info mengenai tempat pembiakan dan bagaimana nak bertindak. Saya sendiri ada pengalaman perit apabila dua anak di-jangkiti virus denggi dan seorang krikal. Selama 14 hari dirawat di hos-pital dan saya sangat faham kesannya jika terkena denggi. Sebab itu saya suka marga sendiri berkongsi penga-laman dengan masyarakat, baru ada seratusan jiwa. Sebab itulah saya se-ring tekankan semangat gotong-ro-yong cari dan musnah aedes.

**S:** Contohnya?

**J:** Masyarakat kena tahu dua jenis nyamuk yang menyebabkan denggi iaitu aedes aegypti dan aedes albopictus. Nyamuk aedes itu mudah di-kenali iaitu badan belang, kaki belang. Selain dua ciri ini, itu bukan nyamuk aedes. Kadangkala di sesuatu tempat memang banyak nyamuk, tetapi ba-dan dan kakinya tiada belang, itu bu-kan aedes, tetapi nyamuk gajah. Itu tak berbahaya.

Nyamuk jenis aegypti duduk di da-lam rumah dan jenis albopictus di luar rumah. Jenis ini sukar dihapus kerana membiak di merata tempat, celah po-kok, lubang, longkang bahkan botol air mineral pun nyamuk ini boleh mem-biak, apatah lagi di kawasan lebih besar. Aedes aegypti sangat domestik kerana tinggal di dalam rumah dan jika keluar pun, cuma terbang lima hingga lapan meter dan kembali se-

mula ke dalam rumah. Celah langit, belakang lampir, tempat gantung baju, semua itu tempat kesukaan nyamuk. Ini bermakna kedua-dua jenis nyamuk ini mampu membiawa denggi. Jika tinggal dalam rumah kita kena, berada di luar rumah pun kena.

**S:** Bagaimana harus dilakukan ke-rena dalam kedua-dua situasi pun tak selamat?

**J:** Memang berisiko kalau kita tak jaga rumah dan persekitaran. Insanya, bagaimana pula dengan kejaran kita, adakah mereka juga melakukan per-kara sama kerana nyamuk ini mampu terbang lapan meter. Usaha mencegah dan menghapuskan denggi ini tak boleh dilakukan berseorangan, kena ker-jasama pelbagai pihak dan agensi. Ma-nusia ialah perumah yang digemari nyamuk aedes. Ada nyamuk yang suka menghisap darah binatang.

**S:** Nyamuk aktif pada waktu ter-tentu, tetapi bagaimana dengan keadaan cuaca sekarang?

**J:** Kajian menunjukkan selama masa cuaca itu menyamai iklim waktu pagi, nyamuk ini terus menggigit walaupun pada waktu tengah hari. Elemenapan udara lebih 80 peratus dan suhu se-kitar 24 hingga 28 darjah Celsius. Wa-laupun waktu tengah hari, iklim se-perti ini masih sama di taman rekreasi dan kebun getah. Pada waktu itu, ae-des masih aktif menghisap darah. Jadi, kita kena faham bahawa nyamuk itu

Masyarakat kena tahu dua jenis nyamuk yang menyebabkan denggi iaitu aedes aegypti dan aedes albopictus. Nyamuk aedes ini mudah dikenali iaitu badan belang, kaki belang. Selain dua ciri ini, itu bukan nyamuk aedes.

**Dr. HidayatulFathi Othman,**  
Penyarah Entomologi Perubatan  
di Fakulti Sains Kesihatan UKM



bukan hanya menggigit pada awal pagi dan lewat petang. Sepanjang hari ny-muk ini menggigit, cuma kedua-dua waktu itu paling aktif.

**S:** Sekarang seluruh negara dilanda cuaca panas El Nino, tetapi kes te-rus meningkat!

**J:** Nyamuk ini berubah perlakuannya kerana sentiasa berada bersama ma-nusia (perumah). Dalam keadaan pa-nas manusia banyak berada di dalam rumah, nyamuk pun berlibung di da-lam rumah. Kajian mendapati 80 pe-ratus nyamuk yang ditemui di bawah garaj atau pasu bunga, adalah aedes albopictus. Nyamuk ini beradaptasi de-ngan iklim. Dalam keadaan suam dan panas seperti hari ini, virus dalam ba-dan nyamuk ini mampu membiak le-bih baik daripada biasa. Bagaima-na virus berada dalam badan nyamuk. Nyamuk yang menghisap darah ind-ividu demam (darah banyak virus) mampu menyempurnanya di dalam ovari dan mensebarkan virus dalam telur.

Jangkitan secara transovari kepada lima generasi anak nyamuk. Dalam keadaan panas, bermula daripada te-lur sekor nyamuk akan mengambil masa 5.5 hari untuk menjadi dewasa berbanding hari biasa selama tujuh hari. Nyamuk dewasa mampu bertelur minimum lima kali. Maknanya setiap empat atau lima hari sekali bertelur.

Jumlah telur bergantung kepada jumlah darah yang dihisap jika ba-nyak, ia mampu bertelur sehingga 200 biji (aegypti) dan antara 80 hingga 120 (albopictus). Sebab itulah kita nak mizu-ka masyarakat faham mengenai mak-lumat seperti ini dan sabutlah seruan

KKM supaya luangkan masa 10 minit seminggu di rumah sendiri untuk mu-nahkan tempat pembiakan nyamuk.

**S:** Jika sudah buang air bertakung contohnya di dalam pasu, adakah telur nyamuk melekat pada pasu?

**J:** Ya, perangi nyamuk aedes ini me-mang begitu. Ia bertelur di gigi air dan apabila air kering pun, telur itu masih melekat pada dinding. Ia tahan ke-keringan purata enam bulan dan ka-jian kita mendapati apabila telur tadi diredam semula di dalam air selepas sembilan bulan, telur itu mampu me-netas dalam tempoh kurang sejam. Apabila hujan, ia akan membiak se-mula. Sebab itulah, apabila mencuci bekas air takungan, kita mesti me-cuci, membusur dinding untuk mem-buang telur. Jangan buang air bertakung ke dalam longkang kerana telur nyamuk yang dicuci akan membiak semula selepas terkena air. Langkah mudah, tuang saja air itu ke tanah.

**S:** Bagaimana pula kes di kawasan rekreasi yang banyak pokok dan lembap?

**J:** Perlu diingat, bau badan, pehik, baju warna gelap itu sebenarnya tarikan kepada nyamuk. Pakai baju terang ke-rena risikonya lebih rendah. Satu lagi, nyamuk lebih suka menggigit di ba-hagian betis. Kedudukan kaki kita jauh daripada jantung, jadi makin rendah kawasan badan, makin rendah kadar jantung untuk mengedarkan darah. Di situ, proses mengeluarkan karbon oksida dari proses ganti oksigen ber-loku juga kadar perlahan sebab darah berkulung dan paling lambat pereda-

ran darah. Jadi di situ, paling banyak karbon oksida. Sebab itulah nyamuk suka gigit di situ. Apatah lagi jika se-lepas latihan, kita akan lepaskan ba-nyak karbon oksida.

**S:** Jika masyarakat masih kurang faham mengenai tabiat nyamuk, apa patut kita lakukan?

**J:** Tanpa sokongan masyarakat, dasar kerajaan akan gagal. Mesti bawakan pemuputan masyarakat. Tidak semestinya ketua atau ada jawatan tetapi individu yang masyarakat hormat dan sanggup jalankan kerja seperti pem-beruhan kawasan, gotong royong ha-puskan denggi. Contohnya, buatlah program JJC (Jati Jalim-Jelari Cari Jentik-Jentik). Pertama saya, kita mu-lakan di peringkat kerajaan dan ma-syarakat, kumpulan pasukan dan ber-ikan mereka ilmu. Lihatlah bagaima-na badan bukan kerajaan (NGO), Komuniti Bebas Denggi menghasilkan kit bebas denggi rumah. Lengkap de-ngan perangkap maui nyamuk, ubat jentik-jentik, penyembur dan kit kit bagaimana nak elak nyamuk. Kit itu diserahkan kepada komuniti, barulah mereka boleh bergerak.

**S:** Mungkin boleh selitkan kempen yang menarik di pawagam sebe-lum tayangan?

**J:** Sangat setuju. Kita pernah bercang dengan Kementerian Kesihatan ketika berancang garis panduan denggi. Seperti katakan boleh atau tidak, secara santai penyampai program di TV buat pro-mosi keropon cezah denggi. Buat be-lulang kali. Kena buat pendekatan ke-ripen yang mempercayakan supaya sa-nasana dapat manfaat.